

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI  
SESI II: 2022/ 2023**

---

---

**SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN**

**SPP 30103  
UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN**

**Dua (2) jam**

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

**BAHAGIAN A***[ 40 markah ]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Undang-undang Persekutuan yang digubal selepas kemerdekaan dikenali sebagai HPK1  
T1  
**A** akta.  
**B** warta.  
**C** ordinan.  
**D** perundangan.
  
2. Mahkamah \_\_\_\_\_ boleh mendengar kes-kes jenayah yang membawa hukuman mati. HPK1  
T1  
**A** Tinggi  
**B** Sesyen  
**C** Rayuan  
**D** Persekutuan
  
3. Susun hirarki mahkamah mengikut turutan yang **BETUL**. HPK1  
T1  
**A** Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen.  
**B** Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.  
**C** Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.  
**D** Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

4. Pernyataan di bawah adalah ciri-ciri Undang-Undang Islam **KECUALI**: HPK1  
T1
- A Dikenali sebagai Enakmen.
  - B Mahkamah Syariah mentadbir Undang-Undang Islam di setiap negeri.
  - C Undang- undang Islam di Malaysia telah bertapak sejak kurun ke 15 dengan ketibaan Islam di Melaka.
  - D Undang-undang Islam cuma boleh dikuatkuasakan kepada orang-orang Islam sahaja dan tidak ke atas orang-orang bukan Islam.
5. Pilih ciri-ciri Mahkamah Sesyen yang paling **TEPAT**. HPK1  
T1
- I. Mahkamah tertinggi di kalangan mahkamah rendah.
  - II. Mendengar kes sivil di mana jumlah tuntutan tidak melebihi RM100,000.00.
  - III. Menjalankan siasatan awal sebelum seseorang itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi.
  - IV. Mempunyai bidang kuasa pengadilan jenayah bagi semua kesalahan kecuali kesalahan yang membawa hukuman mati.
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
6. Takrifkan maksud injunksi. HPK1  
T2
- A Merupakan tuntutan untuk mendapatkan sejumlah wang atau bayaran atau gantirugi.
  - B Perintah daripada mahkamah yang membenarkan pemeriksaan terhadap premis defendan.
  - C Permohonan kepada mahkamah sejumlah bayaran terhadap apa yang dilakukan dalam kontrak.
  - D Suatu arahan mahkamah memerintahkan pihak defendan supaya membetulkan salah lakunya yang menjadi kemungkiran kontrak.

7. Mengikut Akta Umur Dewasa 1971 seseorang dikatakan dewasa apabila mencapai umur HPK1  
T2
- A 13 tahun.  
B 16 tahun.  
C 18 tahun.  
D 21 tahun.

8. HPK1  
T2
- Pihak syarikat tidak akan bertanggung atas kehilangan dan kerosakan barangan milik penumpang.*

Penyataan di atas merupakan contoh

- A syarat.  
B waranti.  
C perjanjian.  
D klausa pengecualian.
9. Pernyataan di bawah adalah merupakan ciri-ciri tawaran **KECUALI:** HPK1  
T2
- A tawaran mestilah dikomunikasi kepada penerima tawaran.  
B tawaran boleh dibuat sama ada secara umum atau individu.  
C tawaran boleh disimpulkan sebagai kesediaan pembuat tawaran untuk menjalin suatu hubungan yang sah dan mengikat di sisi undang-undang.  
D tawaran adalah di mana seseorang itu hanya ingin melakukan perundingan tetapi tiada niat untuk terikat dengan syarat dalam perundingan.

10. HPK1  
T2
- Mira telah bersetuju untuk menjual “seratus tan minyak” kepada Siti*

Berdasarkan situasi di atas tentukan kesan kepada kontrak.

- A Kontrak sah kerana memenuhi elemen-elemen kontrak.  
B Kontrak batal kerana tiada saksi yang terlibat dalam kontrak.  
C Kontrak sah kerana kedua-dua pihak telah terlibat dalam kontrak.  
D Kontrak batal kerana bahasa yang digunakan kabur dan tidak jelas.

11. Yang manakah antara berikut **BUKAN** merupakan ciri-ciri syarat. HPK1  
T2
- A Syarat terbahagi kepada syarat nyata dan syarat tersirat.
  - B Pelanggaran syarat memberikan hak bagi seseorang itu untuk menuntut ganti rugi.
  - C Pelanggaran syarat memberikan hak bagi seseorang itu untuk menamatkan kontrak.
  - D Syarat ialah kandungan yang menjadi peraturan-peraturan penting kepada tujuan utama kontrak.
12. Pilih remedi yang boleh dituntut oleh seseorang individu jika berlaku pecah kontrak. HPK1  
T2
- I. Ganti rugi
  - II. *Quantum meruit*
  - III. Menamatkan kontrak
  - IV. Pelaksanaan eksekutori
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
13. Apakah maksud untung rahsia? HPK1  
T3
- A Keuntungan perniagaan yang tidak dimaklumkan.
  - B Ganjaran yang diberikan kepada pihak ketiga oleh prinsipal.
  - C Pembayaran saguhati yang diberikan oleh prinsipal kepada agen.
  - D Pembayaran komisyen secara rahsia yang diterima oleh agen tanpa pengetahuan prinsipal.
14. Antara berikut merupakan syarat membenarkan seseorang agen untuk mewakili kuasa kepada orang lain **KECUALI**: HPK1  
T3
- A Sekiranya pihak ketiga meluluskan perwakilan tersebut.
  - B Dalam keadaan keperluan darurat yang tidak disangkakan.
  - C Sekiranya kelaziman pekerjaan itu memerlukan perwakilan.
  - D Sekiranya tindakan yang dibuat itu adalah semata-mata berbentuk pengurusan atau pengkeranian.

15. Antara pernyataan berikut yang manakah **BUKAN** merupakan tanggungjawab prinsipal kepada agen. HPK1  
T3
- A Tidak akan mewakili kuasa kepada pihak ketiga.
  - B Membayar komisyen atau ganjaran-ganjaran lain yang dipersetujui.
  - C Tidak akan menyekat atau menghalang agen daripada mendapatkan komisyennya.
  - D Melepaskan tanggungan bagi perbuatan yang dilakukan dalam menjalankan tugasnya.
16. Kenalpasti had maksimum rakan kongsi dalam suatu perniagaan perkongsian. HPK1  
T4
- A 2 orang
  - B 10 orang
  - C 20 orang
  - D 25 orang
17. Takrifkan maksud perkongsian. HPK1  
T4
- A Perhubungan yang wujud di antara penjual dan pemborong.
  - B Perhubungan yang wujud antara pemegang saham dalam sebuah syarikat.
  - C Perhubungan yang wujud antara satu pihak yang akan melaksanakan urusan dengan pihak ketiga.
  - D Perhubungan yang wujud di antara orang-orang yang menjalankan perniagaan bersama bagi mendapatkan keuntungan.
18. Manakah di antara pernyataan berikut menunjukkan maklumat yang **SALAH** mengenai prinsip *uberrimae fidei*? HPK1  
T4
- A Prinsip *uberrimae fidei* ialah bersifat amanah dan percaya antara satu sama lain.
  - B Setiap pekongsi perlu bersifat jujur terhadap pekongsi-pekongsi lain dan juga terhadap perkongsian.
  - C Setiap pekongsi tidak terikat untuk memberi akaun dan maklumat perkongsian kepada mana-mana pekongsi atau wakilnya.
  - D Setiap pekongsi mestilah menyerahkan kepada firma sebarang faedah yang diperolehi tanpa persetujuan dari penggunaan harta atau nama perkongsian.

19.

*Imran, Seri dan Wani merupakan rakan kongsi dalam satu perniagaan perkongsian. Suatu hari Imran dan Wani telah bercadang untuk menukar bentuk perniagaan kepada Syarikat Sendirian Berhad. Hal ini tidak dimaklumkan kepada Seri.*

HPK1T4

Berdasarkan situasi di atas tentukan kesan tindakan yang dibuat oleh Imran dan Wani.

- A** Boleh, kerana telah mencapai suara majoriti.
- B** Tidak boleh, kerana tidak terdapat dalam kontrak perkongsian.
- C** Boleh, kerana penukaran kepada syarikat lebih menguntungkan.
- D** Tidak boleh, kerana perlu mendapat persetujuan daripada semua rakan kongsi.

20.

*Kamal dan Remy telah bersetuju untuk membuka perniagaan perkongsian. Kedua-dua pihak telah bersetuju di mana Remy akan mengeluarkan modal manakala Kamal akan menguruskan firma. Suatu hari Remy ingin mengambil alih hak pengurusan kerana dia tidak berpuas hati, perniagaan hanya mencatatkan kerugian bagi dua tahun berturut-turut.*

HPK1T4

Berdasarkan situasi di atas tentukan sama ada Remy boleh campur tangan dalam urusan perniagaan.

- A** Boleh, kerana Remy adalah pekongsi yang sah.
- B** Boleh, kerana Remy juga menyumbangkan modal.
- C** Tidak boleh, kerana kerugian baru dua tahun sahaja.
- D** Tidak boleh, kerana kuasa Remy sebagai pekongsi telah dihadkan.

**BAHAGIAN B***[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

- a) Takrifkan definisi undang-undang. HPK1  
T1  
*[2 markah]*
- b) Senaraikan **EMPAT (4)** perkara yang terdapat dalam Undang-undang Persendirian HPK1  
T1  
*[4 markah]*
- c) i. Terangkan **SATU (1)** perbezaan antara sumber bertulis dan tidak bertulis. HPK1  
T1  
*[2 markah]*
- ii. Jelaskan **TIGA (3)** jenis sumber bertulis yang terdapat di Malaysia.  
*[6 markah]*
- d) Nyatakan maksud agensi. HPK1  
T3  
*[2 markah]*
- e) Hak-hak dan tanggungjawab seorang agen adalah bergantung kepada syarat-syarat kontrak agensi. Terangkan **DUA (2)** tanggungjawab agen kepada prinsipal. HPK1  
T3  
*[4 markah]*

## Soalan 2

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** elemen yang perlu ada dalam kontrak. HPK1  
T2  
[4 markah]

- b) i. Apakah maksud kontrak? HPK1  
T2  
[2 markah]

- ii. Nyatakan **EMPAT (4)** perkara yang menyebabkan kontrak boleh batal.  
[4 markah]

*Amin telah bersetuju untuk memasang alat pemanas air di rumah Rahim. Setelah siap dipasang Rahim tidak mahu membuat pembayaran kerana alat tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik*

HPK1  
T2

- c) Berdasarkan pernyataan di atas  
i. Tentukan cara pelepasan kontrak yang bersesuaian.  
[1 markah]  
ii. Adakah Rahim berhak untuk tidak membuat pembayaran? Terangkan dengan alasan yang bersesuaian.  
[3 markah]

- d) Balasan ialah harga yang perlu dibayar. Terangkan **TIGA (3)** jenis balasan. HPK1  
T2  
[6 markah]

## Soalan 3

*Amir telah melantik Razak untuk menguruskan penjualan sebuah almari. Nadia berminat untuk membeli almari tersebut kerana harganya sangat berpatutan.*

HPK1

T3

- a) Berdasarkan situasi di atas kenalpasti peranan Razak dan Amir.

[2 markah]

- b) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis pekongsi yang wujud di dalam sesebuah perkongsian.

HPK1

T4

[4 markah]

- c) Nyatakan **EMPAT (4)** ciri perniagaan perkongsian.

HPK1

T4

[4 markah]

*Kadir dan rakan-rakannya telah menubuhkan satu perniagaan perkongsian. Hujan lebat berserta dengan angin ribut telah menerbangkan sebahagian bumbung kedai. Seorang pekongsi telah bertindak membaiki bumbung tersebut dengan menggunakan perbelanjaan sendiri.*

HPK1

T4

- d) Berdasarkan situasi di atas

- i. Bolehkah pekongsi menuntut perbelanjaan tersebut daripada perniagaan perkongsian?

[1 markah]

- ii. Mengikut peraturan mengenai kepentingan, hak dan kewajipan rakan kongsi, jelaskan seksyen yang berkaitan.

[3 markah]

- e) Terangkan **TIGA (3)** hak dan kewajipan rakan kongsi dalam perniagaan mengikut Seksyen 26 Akta Perkongsian.

HPK1

T4

[6 markah]

**SOALAN TAMAT**  
**Selamat Menjawab**